

Headline	BNM umum dana RM1 bilion, langkah-langkah khas untuk pembeli rumah		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	04 Nov 2018	Color	Black/white
Section	General News	Circulation	12,502
Page No	B7	Readership	37,506
Language	Malay	ArticleSize	193 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 392
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,176



## BNM umum dana RM1 bilion, langkah-langkah khas untuk pembeli rumah

KUALA LUMPUR: Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan penubuhan Dana Rumah Mampu Milik berjumlah RM1 bilion untuk membantu pembeli rumah daripada kumpulan berpendapatan rendah di seluruh negara bagi membiayai pembelian rumah pertama mereka.

Menurut BNM dalam satu kenyataan kelmarin, dana berkenaan akan tersedia selama dua tahun mulai 2 Januari 2019 atau sehingga dana RM1 bilion itu habis digunakan.

“Di bawah dana ini, pembeli rumah yang layak boleh mendapatkan pembiayaan (konvensional atau Islam) pada kadar konsesi di institusi kewangan yang mengambil bahagian,” katanya dan menyenaraikan institusi kewangan yang mengambil bahagian ialah AmBank, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Maybank dan RHB Bank.

Dana bagi Rumah Mampu Milik BNM layak dipohon oleh warganegara Malaysia dengan pendapatan maksimum bulanan isi rumah sebanyak RM2,300.

Menurut bank pusat, kriteria lain ialah harga hartanah sehingga RM150,000 dan kadar pembiayaan sehingga 3.5 peratus setahun.

“Memiliki rumah merupakan pelaburan atau komitmen utama bagi kebanyakan orang. Oleh itu, bakal pembeli rumah perlu

menilai kemampuan mereka bagi memenuhi komitmen kewangan yang berkaitan dengan memiliki rumah, termasuk bayaran balik gadai janji dan perbelanjaan lain yang berkaitan.

“Bagi membantu pembeli rumah pertama kali ini, modul pendidikan kewangan dalam talian yang ringkas dan mudah akan disediakan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk pembeli rumah yang memohon pembiayaan di bawah dana ini,” katanya.

Orang ramai boleh menghubungi institusi kewangan yang mengambil bahagian untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Menurut BNM, pelancaran dana itu akan dilengkapi dengan pelbagai langkah untuk membantu pembeli rumah yang pendapatan bulanan RM5,000 dan ke bawah membeli rumah pertamanya yang berharga sehingga RM300,000.

“Langkah-langkah yang dijalankan untuk pembiayaan rumah yang layak daripada semua institusi kewangan ini adalah bertujuan mengurangkan kos sampingan pemilikan rumah bagi peminjam yang berkelayakan.

“Langkah-langkah tersebut termasuk pengecualian duti setem, kadar yang berpatutan untuk jumlah perlindungan gadai janji dan pelepasan yuran guaman bagi perjanjian jual beli dan pembiayaan,” katanya. - Bernama